



DIGITAL PERAK MEMETERAI KERJASAMA DALAM SOLUSI TEKNOLOGI KEWANGAN DENGAN MOBILITYONE

KERAJAAN NEGERI PERAK MELALUI DIGITAL PERAK KOLABORASI DENGAN MOBILITYONE MEMPERKENALKAN SISTEM e-PENGBILAN DI NEGERI PERAK

IPOH, OKTOBER 9, 2020 – Kerajaan Negeri Perak melalui Digital Perak Corporation Holdings (Digital Perak) berkolaborasi dengan syarikat teknologi kewangan (Fintech) tempatan MobilityOne Sdn. Bhd. melalui satu memorandum perjanjian (MoA) hari ini. YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu telah menyaksikan pertukaran MoA tersebut antara pihak Digital Perak dan MobilityOne bagi menzahirkan kerjasama ini.

Digital Perak diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Tuan Meor Rezal Fitri bin Dato' Dr. Hj. Meor Redwan manakala MobilityOne diwakili oleh Pengarah Pembangunan Perniagaan, Sazali Shahid. Turut hadir menyaksikan, Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Dato' Zulazlan bin Abu Hassan serta Pengurus Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi Dan Multimedia Negeri Perak, YB Encik Khairul Shahril bin Mohamed.

Menerusi kolaborasi ini, satu ekosistem teknologi kewangan digital akan dibangunkan dengan infrastruktur digital yang diperlukan bagi menyokong sistem e-pengebilan (e-billing) secara online dan offline.

MobilityOne yang telah diasaskan pada 2003 merupakan sebuah syarikat berstatus MSC dan telah disenaraikan di Bursa Saham London. Ianya juga merupakan salah sebuah pembekal perkhidmatan e-bayaran yang terbesar di Malaysia dengan perolehan yang melebihi RM1 bilion dalam jualan. Ia mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan bayaran digital dan teknologi kewangan di bawah lesen yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia serta PayNet seperti e-duit, pemerolehan saudagar, pemprosesan bayaran dan kiriman wang.